


menganalisis dan buat rumusan secara berhemah. Niat akhbar dan wartawan pun mesti ada etika. Saya melihat kepemimpinan

autentik adalah diperlukan. Autentik bermaksud setiap pemimpin perlu memastikan keselarian antara pegangan (niat) etika beliau dengan tindakan sebenarnya

memberi e-mel  
[bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

hebatan diri Nabi Muhammad SAW yang menyebabkan tersebarunya pengaruh Islam ke seluruh dunia iaitu mampu melihat jauh ke masa hadapan; kebijak-

 **Iskandar Zulqarnain,**  
Bandar Tasik Kesuma,  
Semenyih, Selangor

## BAHASA

# Penggunaan singkatan lunturkan jati diri rakyat

Dewasa ini, menjadi trend bahawa banyak istilah tertentu ditingkaskan konon bertujuan menyampaikan mesej dengan cepat. Singkatan istilah merangkumi sebahagian besar perkataan umum yang digunakan dalam bahasa ibunda dan bahasa Inggeris. Contoh singkatan umum yang biasa digunakan ialah *dgr*, *jgn*, *tdk*, *aq*, *itw* dan banyak lagi.

Singkatan berkenaan agak menjengkelkan bagi penulis. Ia melunturkan keindahan bahasa ibunda kita dan merosakkan bahasa sedia ada.

Lambakan singkatan itu juga menjadi satu gaya penulisan

yang diterima secara suka atau tidak dalam kalangan masyarakat. Tanpa kita sedari, kita perlu mengakui bahawa singkatan perkataan menjadi satu gaya penulisan yang diterima dalam kalangan masyarakat.

### Perkataan disampaikan tidak difahami

Kita juga perlu mengakui bahawa penggunaan bahasa singkatan boleh membawa banyak kesulitan. Perkataan yang ingin disampaikan tidak akan difahami sepenuhnya pembaca. Pelbagai maksud ditafsirkan pembaca.

Ini akan menimbulkan masalah salah faham dan boleh membawa kepada pertengkaran. Ia ju-

ga menimbulkan rasa tidak senang dengan mesej disampaikan. Amalan penggunaan bahasa singkatan ini akan menjadi tabiat yang mempengaruhi hilangnya jati diri sebagai rakyat Malaysia yang patut berbahasa ibunda dengan baik. Bahasa ibunda kita cukup indah untuk dituturkan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa amalan penggunaan singkatan perkataan bertujuan memudahkan urusan disebabkan faktor masa yang terhad. Namun, faktor itu bukan menjadi satu alasan untuk menjadikan bahasa singkatan sebahagian daripada hidup.

Ingatlah, bahasa melambangkan peribadi seseorang. Jika elok

bahasanya maka molek juga perkertinya. Bahasa mencorakkan gaya pemikiran, tahap intelektual dan membentuk perlakuan sesebuah masyarakat.

### Jaga kedaulatan bahasa ibunda


Bahasa yang sempurna maka baiklah komunikasi diamalkan. Oleh kerana amalan penggunaan singkatan menjadi gaya hidup masa kini, maka perlu difikirkan bagaimana membendunginya demi menjaga kedaulatan bahasa ibunda.

Saranan penulis, setiap individu mesti ada kesedaran dan bertanggungjawab menggunakan bahasa yang betul setiap hari. Mesej yang ditulis dalam ba-

hasa singkatan perlu dibalas dengan penggunaan perkataan yang lengkap dan baik serta mudah difahami.

Gaya bahasa di media sosial perlu dipantau pengguna media sosial juga. Jadikan penggunaan bahasa yang lengkap sebagai suatu amalan. Tidak dinafikan agak sukar untuk pihak berwajib melakukan pemantauan penggunaan bahasa singkatan.

Berbanggallah dengan bahasa ibunda. Justeru, kita perlu bersama berganding bahu membetulkan mana yang kurang betul dalam hal ini. Satu usaha kecil yang berterusan akan memberikan impak yang besar dalam jangka masa panjang.

 **Dr Siti Mistima Maat,**  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia